



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

JAMBATAN BARU SUNGAI DURIAN, KUALA KRAI BAKAL MENGATASI KESESAKAN LALU LINTAS DAN MASALAH JALAN TERPUTUS DISEBABKAN BANJIR

KUALA KRAI, KELANTAN - YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya telah turun padang ke Negeri Kelantan memantau status pelaksanaan projek-projek seliaan KKR/JKR. Salah satu darinya ialah projek Penggantian Jambatan Sungai Durian, Kuala Krai, Kelantan yang terletak di Jalan Persekutuan FT 08.

2. Tujuan penggantian jambatan ini adalah bagi mengatasi masalah lalu lintas di laluan utama dari Kota Bharu ke Kuala Lumpur lantaran jambatan sedia ada adalah sempit dan telah uzur. Projek ini juga dapat mengatasi masalah jalan terputus yang sering berlaku di jambatan sedia ada yang rendah semasa musim banjir.

3. Projek ini telah dimulakan pada Jun 2021 dan telah diberikan Lanjutan Masa (*Extension of Time*, EOT) sebanyak tiga(3) kali dan tarikh siap semasa adalah pada 18 Julai 2025. Antara punca kelewatan dan lanjutan masa ini adalah seperti berikut:

- a. Isu pengambilan tanah dimana prosesnya mengambil masa selama dua (2) tahun selepas tarikh milik tapak projek pada 1 Jun 2021 dan telah dapat diselesaikan pada 16 Jun 2023;
- b. Berlaku kelewatan pengalihan utiliti paip air Syarikat Air Kelantan Sdn. Bhd (AKSB) oleh pihak kontraktor disebabkan oleh perubahan pada cadangan rekabentuk struktur galang paip air bagi mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). JPS menetapkan jarak antara tiang galang adalah 50meter iaitu selari dengan tiang jambatan keluli yang akan dibina bagi mengurangkan gangguan aliran air Sungai; dan

4. Masalah pengurusan dan koodinasi projek (*project management and coordination*) turut menjejaskan pelaksanaan projek termasuk kelewatan membuat pesanan bagi pembekalan komponen jambatan keluli.

5. Kemajuan fizikal projek ini sehingga 15 Julai 2024 adalah sebanyak 39% dengan kos kontrak semasa bernilai RM16.026 juta.

6. Kementerian Kerja Raya (KKR) memandang serius terhadap status pelaksanaan projek ini dan mengarahkan pihak kontraktor untuk meningkatkan momentum serta keupayaan kerja pembinaan dengan menepati mutu yang telah ditetapkan dari segi kualiti, kos dan masa. KKR juga meminta Pegawai Penguasa Projek iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk memantau kemajuan kerja kontraktor secara rapi agar projek ini berjalan lancar dan masalah yang dihadapi di tapak pembinaan dapat diatasi dan kerja kembali mengikut jadual baharu yang telah ditetapkan. Pengawai penguasa juga telah mengeluarkan surat amaran kepada pihak kontraktor beberapa kali kerana kelewatan perlaksanaan projek. Tindakan tegas mengikut syarat-syarat kontrak akan diambil kepada pihak kontraktor seperti mengeluarkan surat amaran termasuk penamatan kontrak jika kelewatan berulang di masa hadapan. KKR pula akan pastikan projek ini dimasukkan ke dalam agenda utama dalam

Mesyuarat Pemantauan Projek yang diadakan setiap bulan.

7. Fokus berterusan terhadap jalan raya dan projek rakyat-centric ini merupakan komitmen Kerajaan Perpaduan dalam membina rangkaian jalan raya dan jambatan selaras dengan hasrat Program MYJalan KKR yang ingin menyediakan infrastruktur yang selesa dan selamat kepada semua rakyat Malaysia Madani secara konsisten.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
2 OGOS 2024